SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 09 Disember 2021 (Khamis)

Tender adalah dipelawa daripada Pembekal-pembekal yang berdaftar **dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam **kod bidang 210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106 dan 210107** serta **pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut :-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/ TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	KAEDAH PEROLEHAN
Tawaran Tender Mengkaji, Mereka Bentuk, Membangun, Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah Dan Melaksanakan Sistem Virtual Clinic (VC), Perkakasan Dan Perisian Untuk Hospital Dan Klinik Kesihatan Di Negeri Sembilan, Kementerian Kesihatan Malaysia. **No. Tender : QT210000000039301**	192/2021	Tarikh : 14 Disember 2021 Masa : 09.30 pagi Tempat : **Diadakan secara atas talian** Link pengesahan pendaftaran : https://forms.gle/JdTT2YoEyVwWzZf16	Secara ePerolehan

Telecenter:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3022

Dokumen Tender boleh disemak mulai **09 Disember 2021 (Khamis) dengan melayari www.eperolehan.com.my.**

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled.* Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara ***Auto Invite*** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk *(key-in)* ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **04 Januari 2022 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.** Semua dokumen pelawaan, dokuman tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan.** Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan, adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) perenggan 8(x)(b)(5) dibaca bersama PP/PK2.1 Garis Panduan Penilaian Tender – Perenggan 16(b)(vii) dan PP/PK5.1 perenggan 5.1.3(x)(3) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran *(one-time payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran *(multiple payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.